

03 NOV 2003

PM BARU DIHARAP TINGKAT PENDIDIKAN UNTUK BERSAING DGN NEGARA LAIN

KUCHING, 3 Nov (Bernama) -- Persatuan Rurum Kelabit Kebangsaan (SRKNA) berharap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan terus menjana sektor pendidikan dengan idea baru bagi membolehkan Malaysia bersaing dengan negara lain.

Presiden persatuan itu, Dr Rolland Dom Matu berkata, masyarakat itu berharap Perdana Menteri baru itu akan memberikan keutamaan memperbaiki kemudahan infrastruktur pendidikan di kawasan luar bandar bagi mendapatkan pembangunan yang seimbang.

"Dasar pendidikan yang baik akan membolehkan Abdullah meneruskan kerja-kerja ke arah mencapai wawasan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020," kata beliau kepada Bernama di sini hari ini.

Dr Mattu yang juga naib presiden Parti Progressif Demokratik Sarawak (SPDP) berkata, persatuan itu mengalu-ngalukan pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri kelima, yang menyifatkan beliau sebagai seorang ahli politik yang bijak dan tidak asing lagi dalam dunia politik.

Beliau juga berkata masyarakat minoriti Kelabit merasa terhutang budi dengan Dr Mahathir yang telah memperbaiki taraf sosio-ekonomi masyarakat itu semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

-- BERNAMA

FLL BK